

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK Sila Baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum Anda membuat keputusan untuk menyertai TAKAFUL MUTIARA PLUS BERKELOMPOK. Anda juga diminta untuk membaca terma dan syarat amnya.	Etiqa Family Takaful Berhad ("Pengendali Takaful / Kami") TAKAFUL MUTIARA PLUS BERKELOMPOK <hari-bulan-tahun >
--	---

1. Apakah produk ini?

Takaful Mutiara Plus Berkelompok merupakan pelan Takaful Keluarga Berkelompok dengan perlindungan dan simpanan yang boleh diperbaharui setiap tahun. Pelan ini direka untuk menyediakan perlindungan Takaful kepada Anda dalam tempoh perlindungan, bagi kematian dan manfaat tambahan terpilih lain, seperti yang dinyatakan dalam Jadual Takaful. Selain itu, nilai terkumpul akan dibayar apabila berlaku kejadian tertentu.

2. Apakah konsep- konsep Syariah yang digunakan?

Tabarru'

Pelan ini menggunakan konsep Tabarru', di mana Anda bersetuju untuk menderma atau menyumbang sebahagian daripada jumlah sumbangan kepada Dana Risiko Peserta (Dana Tabarru') bagi tujuan saling membantu dan menghulurkan bantuan kepada peserta lain yang memerlukan.

Wakalah

Pelan ini juga menggunakan konsep Wakalah, di mana Peserta melantik Kami untuk bertindak bagi pihak Anda untuk melabur dan menguruskan Dana Risiko Peserta (DRP) dan Dana Pelaburan Peserta (DPP). Peserta juga bersetuju untuk memberi kuasa kepada Kami untuk mewakilkan hak-hak, tanggungjawab-tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan kami kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang Kami fikirkan sesuai untuk tujuan mencapai objektif untuk melabur dan mengurus DPP dan DRP, dengan syarat bahawa, sekiranya ada perwakilan sedemikian, Kami akan bertanggungjawab terhadap semua hak, kewajipan dan tanggungjawab tersebut terhadap Peserta. Fi Wakalah akan ditolak daripada sumbangan kasar yang Anda bayar dan jumlah baki akan dimasukkan ke dalam DRP dan DPP berdasarkan nisbah yang telah ditetapkan.

Dana Risiko Peserta (DRP)

Sebahagian sumbangan yang Anda bayar, selepas ditolak fi Wakalah akan diperuntukkan ke dalam DRP berdasarkan nisbah yang telah ditetapkan. Jika terdapat sebarang lebihan yang boleh diagih pada akhir setiap tahun kewangan dari DRP, 50% daripada lebihan yang diagihkan (jika ada) akan dibayar kepada Kami kerana mengendalikan dan menguruskan DRP berdasarkan kontrak Ju'alah, dan baki 50% akan dikongsi di kalangan Orang yang Dilindungi yang sijilnya tidak ditamatkan dan belum membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan. Amaun yang diperuntukkan kepada Anda akan dilaburkan semula dan dikumpulkan di dalam DPP.

Dana Pelaburan Peserta (DPP)

Baki sumbangan yang selebihnya itu akan diletakkan di dalam DPP. Pada setiap akhir tahun kewangan, 80% daripada kadar pelaburan bersih selepas cukai dan keuntungan akan dilaburkan semula ke dalam DPP. 20% daripada keuntungan pelaburan akan diberikan kepada Kami sebagai fi insentif kerana menguruskan DPP. DPP akan terkumpul dan akan dibayar kepada Anda pada akhir tempoh perlindungan atau apabila sijil Anda ditamatkan.

3. Apakah perlindungan/manfaat yang diberikan?

Bil.	Perlindungan/Manfaat	Manfaat Dibayar	Huraian Manfaat
1	Kematian	Sila rujuk amaun manfaat yang tertera didalam lampiran sebutharga.	Apabila Orang Yang Dilindungi meninggal dunia secara semula jadi atau kemalangan, sebelum tempoh perlindungan tamat, manfaat yang disediakan bagi Orang Yang Dilindungi akan dibayar sekali gus.
2	Manfaat Matang	Pengumpulan DPP dan Lebihan DRP (jika ada)	Apabila sijil Orang Yang Dilindungi mencapai tempoh matang, Orang Yang Dilindungi akan menerima nilai terkumpul dalam Dana Pelaburan Peserta (DPP) dan baki lebihan (jika ada) daripada Dana Risiko Peserta (DRP).

Manfaat Tambahan

Bil.	Perlindungan/Manfaat	Manfaat Dibayar	Huraian Manfaat
1	Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	Sila rujuk amaun manfaat/ Jumlah yang Dilindungi yang tertera didalam lampiran sebutharga.	Apabila Orang Yang Dilindungi mengalami HUMK secara semula jadi atau kemalangan, sebelum tempoh perlindungan tamat, Manfaat HUMK akan dibayar. Apabila pembayaran manfaat ini dibuat, Jumlah Yang Dilindungi dalam Sijil Induk akan dikurangkan dengan amaun yang telah dibayar. Sekiranya Seratus Peratus (100%) amaun telah dibayar, Kami akan dilepaskan daripada apa-apa liabiliti lain dengan Orang Yang Dilindungi.
2	Manfaat Perbelanjaan Pengebumian	Sila rujuk amaun manfaat/ Jumlah yang Dilindungi yang tertera didalam lampiran sebutharga.	Apabila berlaku kematian Orang Yang Dilindungi, sebelum tempoh perlindungan tamat, Manfaat Perbelanjaan Pengebumian akan dibayar sekali gus.

3	Manfaat Ehsan	Sila rujuk amaun manfaat/ Jumlah yang Dilindungi yang tertera didalam lampiran sebutharga.	Apabila berlaku kematian pasangan dan/atau anak-anak Orang Yang Dilindungi, sebelum berakhirnya tempoh perlindungan, Manfaat Ehsan akan dibayar sekali gus (tertakluk kepada maksimum satu (1) tuntutan kematian bagi pasangan dan empat (4) tuntutan kematian bagi anak-anak).
3	Manfaat Harian Hospital	Sila rujuk amaun manfaat/ Jumlah yang Dilindungi yang tertera didalam lampiran sebutharga.	Jika Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke hospital (bagi minimum enam (6) Jam) akibat kemalangan atau penyakit, Kami akan membayar Manfaat Harian Hospital, dengan syarat Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke hospital yang didaftarkan dan diluluskan oleh pihak berkuasa. Manfaat harian maksimum yang boleh dibayar bagi setiap kemasukan ke hospital ialah dua puluh enam (26) minggu, dengan syarat Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke hospital dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian.
3	Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Akibat Kemalangan	Sila rujuk amaun manfaat/ Jumlah yang Dilindungi yang tertera didalam lampiran sebutharga.	Apabila berlaku kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal Orang Yang Dilindungi akibat kemalangan, sebelum tempoh perlindungan tamat, Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Akibat Kemalangan akan dibayar.
5	Manfaat Penyakit Kritisikal (Manfaat Dipercepat)	Sila rujuk amaun manfaat/Jumlah yang Dilindungi yang tertera didalam lampiran sebutharga.	<p>Apabila didiagnosis mengalami penyakit kritisikal yang dilindungi, sebelum tempoh perlindungan tamat, Kami akan membayar Manfaat Penyakit Kritisikal sekali gus, sekiranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Penyakit kritisikal yang dilindungi berlaku dalam tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Kemasukan atau Tarikh Pengembalian Semula Sijil Tambahan ini; dan (ii) Penyakit kritisikal yang dilindungi berlaku sebelum Orang Yang Dilindungi mencapai umur maksimum yang dilindungi, seperti yang ditetapkan dalam Jadual Takaful; dan (iii) Orang Yang Dilindungi didiagnosis dengan penyakit kritisikal untuk kali pertama; dan (iv) Orang Yang Dilindungi hidup sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari selepas dia didiagnosis menghidap penyakit kritisikal; dan (v) Diagnosis atau keadaan penyakit kritisikal memenuhi Definisi penyakit kritisikal. <p>Selain itu, Kami hanya melindungi penyakit kritisikal yang berikut untuk tempoh enam puluh (60) hari selepas Tarikh Kemasukan atau Tarikh Pengembalian Semula Sijil Tambahan.</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Kanser (ii) Penyakit Koronari Jantung yang Memerlukan Pembedahan (iii) Serangan Jantung (iv) Penyakit Arteri Koronari Serius Lain <p>Kami akan membayar sepuluh peratus (10%) daripada Jumlah yang Dilindungi dalam Sijil Tambahan, atau sehingga amaun maksimum Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000), yang mana lebih rendah, apabila Orang Yang Dilindungi menjalani, untuk kali pertama, Angioplasti atau Rawatan Invasif Lain bagi Penyakit Arteri Koronari Utama.</p> <p>Sekiranya berlaku Pembayaran Terhad di bawah manfaat di atas, Jumlah yang Dilindungi dalam Sijil Tambahan dan Sijil Induk, berhubung dengan Orang Yang Dilindungi, hendaklah dikurangkan dengan menolak amaun yang telah dibayar.</p> <p>Apabila pembayaran manfaat ini dibuat, Jumlah Yang Dilindungi dalam Sijil Induk hendaklah secara automatik dikurangkan dengan amaun yang telah dibayar. Sekiranya jumlah Seratus Peratus (100%) daripada Jumlah Asas Yang Dilindungi telah dibayar, tiada lagi perlindungan Takaful di bawah sijil ini berhubung dengan Orang Yang Dilindungi.</p>
4	Hilang Upaya Separa Kekal (HUSK)	Sila rujuk amaun manfaat/ Jumlah yang Dilindungi yang tertera didalam lampiran sebutharga.	Apabila Orang Yang Dilindungi mengalami HUSK , sebelum berakhirnya tempoh perlindungan, manfaat yang akan dibayar adalah peratusan daripada Jumlah Yang Dilindungi bagi HUSK berdasarkan jadual manfaat yang telah ditentukan terlebih dahulu.

		Apabila pembayaran manfaat ini dibuat, Jumlah Yang Dilindungi bagi Sijil Induk hendaklah dikurangkan oleh amaun yang telah dibayar. Sekiranya jumlah Seratus Peratus (100%) daripada Jumlah Asas Dilindungi telah dibayar, Kami hendaklah dilepaskan daripada apa-apa tanggungan lanjut berhubung dengan Orang Yang Dilindungi
--	--	--

Nota: Sila rujuk sebut harga bagi Jumlah Yang Dilindungi dan tempoh perlindungan Sijil Takaful Anda.

4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah sumbangan yang perlu Anda bayar adalah berbeza, bergantung pada umur, jantina Anda dan keputusan pengunderaitan Kami (jika berkenaan). Anggaran sumbangan yang Anda perlu bayar: mengikut pilihan yang dipilih.

5. Apakah fi-fi dan caj-caj yang perlu saya bayar?

- (i) Fi Wakalah, sebagai perbelanjaan pengurusan dan komisen, dimana ia akan ditolak daripada jumlah sumbangan. Fi Wakalah yang perlu Anda bayar ialah 30% dari jumlah sumbangan.
- (ii) Bayaran Duti setem sebanyak RM10 bagi pengeluaran Sijil Takaful.
- (iii) Semua sumbangan (jika berkenaan) adalah tertakluk kepada caj atau cukai, termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan Malaysia yang berkaitan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang telah Anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya tahu?

- (i) Kepentingan pendedahan – Anda perlu untuk mendedahkan sebarang informasi yang relevan yang ada dalam pengetahuan Anda atau yang Anda patut tahu secara menyeluruh dan tepat, jika tidak ia boleh membawa kepada sijil diantara kita diketepikan, tuntutan Anda ditolak atau syarat-syarat sijil diubah.
- (ii) Tempoh Tengguh – Perlindungan Takaful Anda boleh luput sekiranya Anda tidak membayar sumbangan dalam tempoh 31 hari.
- (iii) Tempoh Percuma – Anda boleh membatalkan Sijil Takaful Anda dengan mengembalikan Sijil Takaful tersebut dalam tempoh lima belas (15) hari selepas Sijil Takaful ini telah diterima oleh Anda. Sumbangan yang ditelah dibayar (ditolak sebarang bayaran perubatan yang dikenakan) akan dipulangkan kepada Anda. Sila ambil perhatian bahawa untuk tujuan menentukan tempoh 15 hari, Sijil Takaful ini akan dianggap sebagai telah dikembalikan kepada Kami pada tarikh Kami menerima Sijil Takaful ini jika dihantar sendiri atau pada tarikh penghantaran pos jika Sijil Takaful ini dihantar kepada Kami melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika Sijil Takaful ini dihantar secara elektronik.
- (iv) Kami berhak untuk mengubah terma dan peruntukan di dalam sijil pada tarikh pembaharuan sijil.
- (v) Anda harus memastikan bahawa pelan tersebut memenuhi keperluan Anda dan Anda mampu membayar sumbangan.

Nota: Sila ambil perhatian bahawa senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk terma-terma dan syarat-syarat terperinci di bawah pelan ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah sijil ini?

Pengecualian Bagi Sijil Tambahan

Manfaat tidak akan dibayar bagi kematian, hilang upaya atau penyakit yang diakibatkan secara langsung atau secara tidak langsung oleh:

- (i) Penglibatan dalam perbuatan jenayah, rusuhan, kekacauan awam, pemberontakan, perperangan (sama ada yang diisyiharkan atau tidak), revolusi atau apa-apa operasi perang, tindakan musuh asing, apa-apa tindakan pengganas dan perang kimia;
- (ii) Penglibatan dalam apa-apa sahaja sukan dan hobi yang berbahaya dan berisiko seperti (tetapi tidak terhad kepada) lumba kuda berhalangan, polo, lumba kuda, menyelam, berburu, lumba kenderaan bermotor, daki gunung atau kembara dalam gua;
- (iii) Penglibatan dalam apa-apa bentuk penerbangan (kecuali sebagai penumpang berbayar atau kru dalam penerbangan biasa yang dikendalikan oleh penerbangan komersial), atau sukan udara seperti (tidak terhad kepada) terjun udara, payung terjun, terjun lelabah (bungee), luncur udara dan aktiviti belon udara;
- (iv) Kecederaan diri yang disengajakan atau percubaan untuk bunuh diri, kecuali terbukti tidak siuman.
- (v) Kecederaan atau kemasukan ke hospital akibat penagihan dadah, atau ketika berada di bawah pengaruh alkohol;
- (vi) Hilang upaya atau kesakitan atau penyakit yang wujud sebelum Tarikh Kemasukan atau Tarikh Pengembalian Semula Sijil Asas atau Sijil Tambahan;
- (vii) Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV), Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau apa-apa keadaan yang berkaitan dengan AIDS, kecuali jika penyakit dilindungi secara khusus dalam Sijil Tambahan;
- (viii) Melakukan atau cuba melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang;
- (ix) Apa-apa Keadaan yang Sedia Wujud, yang berlaku sebelum Tarikh Kemasukan, berhubung dengan Orang Yang Dilindungi.

Manfaat Harian Hospital tidak melindungi:

- (i) Keadaan Sedia Ada kecuali keadaan tersebut telah diisyiharkan pada masa permohonan atau Pengembalian Semula dibuat dan telah diterima oleh Kami sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula;
- (ii) Apa-apa Keadaan Perubatan yang timbul dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama perlindungan berterusan dari yang lebih lewat antara Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Sijil Tambahan atau Rider yang terkini, kecuali kecederaan akibat kemalangan;
- (iii) Plastik/Kosmetik, penyiasatan, diagnostik/pemeriksaan yang tidak diperlukan dari segi perubatan atau berkaitan dengan rawatan, pencegahan, uji kaji, rawatan-rawatan elektif atau prosedur;
- (iv) Rawatan mata, prosedur, atau ujian termasuk tetapi tidak terhad kepada, pembiasan atau pembedahan pembetulan penglihatan dekat (Keratotomi Radial);

- (v) Rawatan perggigian, prosedur, atau ujian kecuali diperlukan pada gigi asli yang sihat akibat kemalangan yang berlaku sepenuhnya dalam tempoh sijil;
- (vi) Prosedur, rawatan atau ujian yang berkaitan dengan kehamilan, bersalin (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran, penjagaan pranatal atau posnatal, kemandulan, terapi pertukaran hormon, prosedur penugasan semula jantina, pencegahan kehamilan, pensterilan, kecacatan kelahiran, penyakit atau keadaan kongenital atau keturunan, ketidakfungsian erektil dan berkhatan;
- (vii) Psikiatri, Keadaan Perubatan yang berkaitan dengan mental atau sistem saraf, termasuk tetapi tidak terhad kepada neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatik mereka;
- (viii) Pendermaan organ atau tisu otot, dan rawatan atau prosedur untuk dengkuruan, gangguan tidur, obesiti dan peningkatan berat badan;
- (ix) Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) atau Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS);
- (x) Penyakit atau gangguan kelamin, dan keadaan yang berpunca daripada penyakit atau gangguan ini;
- (xi) Perang (sama ada diisyiharkan atau tidak), revolusi, serangan daripada negara luar atau pencerobohan;
- (xii) Penyertaan dalam sebarang aktiviti jenayah atau aksi yang menyalahi undang-undang, mogok, rusuhan, keganasan atau kekecohan awam;
- (xiii) Penglibatan dalam apa-apa sukan atau hobi berbahaya seperti (tetapi tidak terhad kepada) aktiviti menunggang kuda, sukan air (kecuali pelayaran kraf yang tidak bermotor dan berenang), pemburuan, perlumbaan (kecuali perlumbaan menggunakan kaki), mendaki gunung, meneroka gua, dan sukan musim sejuk;
- (xiv) Penyertaan dalam apa-apa bentuk penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak kapal bagi laluan biasa yang dikendalikan oleh sistem penerbangan komersial), atau sukan udara seperti (tetapi tidak terhad kepada) terjun udara, sukan payung terjun, terjun bungee, luncur gantung dan aktiviti menaiki belon;
- (xv) Kecederaan diri yang disengajakan atau bunuh diri atau cubaan bunuh diri, kecuali terbukti tidak siuman;
- (xvi) Penggunaan alkohol, dadah yang tidak ditentukan atau menyalahi undang-undang atau narkotik;
- (xvii) Provokasi fizikal yang ganas oleh Orang Yang Dilindungi, yang menyebabkan reaksi serupa kepada kecederaan atau kematian;
- (xviii) Penyedutan racun, gas atau wasap sama ada suka rela atau tidak suka rela; atau
- (xix) Pencemaran radioaktif yang timbul daripada bahan api, senjata, sisa atau pemprosesan;
- (xx) Kegagalan untuk mendapatkan atau mematuhi nasihat perubatan dan/atau rawatan atau penangguhan yang tidak munasabah dalam mendapatkan atau mematuhi nasihat perubatan atau rawatan yang telah ditentukan.

Nota: Sila ambil perhatian bahawa senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai lengkap pengecualian-pengecualian di bawah pelan ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil ini?

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful Anda dengan mengembalikan Sijil Takaful bersama dengan arahan pembatalan bertulis dan jumlah tunai terkumpul dari sumbangan yang telah Anda bayar (jika ada) akan dikembalikan kepada Anda.

Jika Anda mahu membatalkan Sijil Takaful Anda lebih awal semasa tempoh perlindungan, nilai serahan mungkin lebih rendah daripada jumlah sumbangan yang Anda telah bayar untuk menampung perbelanjaan di atas.

9. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan sijil kepada butir-butir peribadi saya?

Adalah penting untuk Anda memaklumkan kepada Kami atas segala perubahan kepada butir-butir peribadi Anda supaya Kami boleh menghubungi Anda tepat pada waktunya.

10. Di manakah boleh saya mendapat maklumat lanjut?

Sekiranya Anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Takaful Keluarga, sila rujuk risalah insuranceinfo berkaitan "Takaful Keluarga", yang boleh didapati di semua cawangan Kami atau Anda boleh mendapatkan salinan daripada wakil pemasaran atau kunjungi www.insuranceinfo.com.my.

Jika Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Etiqa Family Takaful Berhad (266243-D)
(Dahulu dikenali sebagai Etiqa Takaful Berhad)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)
Level 19, Tower C, Dataran Maybank
No. 1, Jalan Maarof
59000 Kuala Lumpur
Tel : 03-2297 3888 Faks : 03-2297 3800
Etiqa Oneline: 1300 13 8888
Emel : info@etiqagroup.com.my
Laman Web: www.etiqagroup.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan Takaful Keluarga yang serupa yang boleh didapati

Sila rujuk kepada Pengedar Kami untuk lain-lain jenis perlindungan serupa yang boleh didapati.

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL PEMASARAN ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.